

TADBIRAN ADAT PERPATEH
NEGERI SEMBILAN

OLEH :
ISMAIL AMBIA

KOLEKSI :
NORHALIM U. IBRAHIM

TADBIRAN ADAT PERPATEH
NEGERI SEMBILAN

(Satu Pengkajian Tadbiran Adat Dalam
Bentuk Kejadian-nya Yang Sabenar
Berlaku Sahari-hari).

Latehan Ilmiah
Untuk Memenuhi Keperluan Kelulusan
B.A. (Honours)
Jabatan Pengajian Melayu

oleh

ISMAIL AMBIA

UNIVERSITY MALAYA
SINGAPORE
MARCH, 1959

K E R A J A A N

-: I S I - N Y A :-

Muka

| | |
|---|-----|
| PENGANTAR KATA | i |
| <u>P E N G G A L</u> | |
| I : PENDAHULUAN | 1 |
| II : SUSUNAN - TADBIR | 14 |
| III : PERHUBONGAN ANTARA ADAT DAN KERAJAAN DAN KEMERUSUTAN ADAT | 73 |
| IV : PERTIKAIAN ANTARA ADAT DAN U.M.N.O. DI-REBAU | 102 |
| V : KESIMPULAN UMUM | 111 |

PENGHUJONGAN

| | |
|---|-----|
| I : SUMMARY | 122 |
| II : SUMBER2 BACHAAN | 125 |
| III : DI-ANTARA ORANG2 YANG DI-TEMUI | 127 |
| IV : PERBILANGAN ADAT YANG MEMBERI PANDUAN | 129 |
| V : PETA SEMPADAN2 JAJAHAN | 134 |
| VI : PETA KEDUDOKKAN LUAK2 DAN DAERAH2 TADDIR ADAT | 135 |

P E N G A N T A R - K A T A

A. TUJUAN.

Hal Adat Perpatih ini bukan-lah satu perkara baru untuk di-tuliskan, beberapa banyak makalah2, buku2 mengenai-nya telah pun di-siarkan, baik dari segi tadbiran mahu pun kemasyarakatan. Tetapi malang-nya hampir semua penulis2 makalah dan buku2 itu ada-lah meninjau hal Adat Perpatih ini dari jauh sahaja yaitu mereka tidak mendapatkan bahan2 daripada pengalaman2 dengan memasuki atau hidup dengan masyarakat itu sendiri, mereka ada-lah selalu-nya mendapatkan bahan2 daripada sa-orang dua "informants", mungkin sa-orang Undang, atau Lembaga atau Buapak atau mungkin juga mereka menyambut bahan2 yang telah sedia di-tuliskan. Oleh demikian penulisan-nya itu tidak akan dapat memberikan rupa keadaan yang sabenar-nya berlaku, atau dengan lain perkataan mereka menulis dalam bentuk "static" iaitu dalam bentuk teori-nya sahaja sedangkan dalam kejadian-nya sehari-hari ada-lah berbezaan. Sebagai yang di-nyatakan ini ada-lah di-sebabkan penulis2 itu tidak membuat penyiasatan2-tempatan atau "field-research" yang luas dan semasak-masak-nya. Pada masa yang akhir2 ini baru-lah terdapat sa-orang dua yang menjalankan "field-research" dengan sechara mendalam dan "scientific" iaitu Michael G. Swift di-Jelebu dan Diane Lewis di-Kampung Inas Johol, tetapi

mereka⁽¹⁾ ini belum lagi menuliskan atau membukukan segala hasil2 penyiasatan-nya. Ya, buah2 tulisan-nya memang sentiasa kita nanti2-kan kerana bukan sahaja amat berguna bagi keperluan ilmiah bahkan juga amat perlu kepada ahli2 pentadbir di-Negeri Sembilan untuk panduan dalam kerja2-nya dan juga amat berguna bagi satu2 r^{gn}changan untuk pembangunan kampong mithal-nya.

Dalam latehan ilmiah ini penulis akan chuba membicharakan hal tadbiran Adat Perpateh dalam bentok rupa-nya yang sabemar berlaku, umpama-nya kedudukan Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga, Buapak serta chara2 pemilihan-nya pada hari ini, segala selok belok perjalanan tadbiran itu dan mungkin juga hal2 yang kurang manis yang tidak nampak di-lihat dari luar akan di-sentuh juga dan selepas itu penulis akan memberikan satu gambaran sejauh mana-kah Adat ini maseh di-gunakan dan di-hargai.

B. BATASAN

Dalam latehan ilmiah ini, oleh kerana kekurangan masa dan juga kesingkatan ruangan, maka penulis akan membuat dua batasan,

- 1 a) Michael G. Swift, dari London School of Economics, sekarang penolong pensharah di-Jabatan Pengajian Melayu, University of Malaya.
- b) Diane Lewis, sa-orang Mahasiswa-lanjutan (post-graduate student) dari Cornell University, United States, maseh dalam penyiasatan-nya lagi.

pertama hal yang akan di-bicarakan ini semata-mata tertumpu kepada soal tadbiran dengan meninggalkan hal2 permasyarakatan, ekonomik dan lain2: kedua, siasatan penulis ada-lah terhad kepada tiga luak sahaja iaitu Jelevu, Johol dan Rembau.. Sebab penulis memilih luak2 tersebut ia-lah kerana, di-Jelebu berlaku baru2 ini pertikaian antara Lembaga dan Undang, begitu juga di-Johol berlaku satu pertikaian antara Undang dan satu golongan pegawai2-nya, selain daripada itu, di-Jelebu Tuan Michael G. Swift pengurus latehan-ilmiah ini ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ dan di-Johol penulis mendapat pertolongan daripada saudari Diane Lewis kerana beliau ada-lah membuat penyiasatan-nya di-situ pula. Dan di-Rembau ada-lah tempat penulis di-peranakan dan di-besarkan.

C. CHARA PENGKAJIAN

Sabahagian besar sumber2 dan ~~kuasaan~~ yang di-buat dalam latehan-ilmiah ini ada-lah daripada pengetahuan penulis sendiri sebagai sa-erang anggota dalam masharakat Adat Perpatih itu yang sama hidup dan memerhatikan perjalanan masharakat itu. Dalam hal teori-nya penulis telah membacha makalah2 dan buku2 yang telah sedia di-tuliskan.⁽²⁾ Dan yang lebeh mustahak sekali ia-lah pertemuan2 penulis dengan Dato'2 Undang, Lembaga, Buapak2, erang2 biasa dari berbagai-bagai jenis penghidupan, ahli2 politik, ahli2 ugama, dan pegawai2 tadbiran yang termasek

2 Lihat sumber-pembacaan.

ketua2 kampung, penghulu2 mukim, kerani2 di-pejabat-tanah, pegawai2 jajahan, dan juga Pemangku Menteri Besar.

D. BERTERIMA-KASEH

Penulis mengambil kesempatan mengucapkan rasa terhutang budi kepada semua orang2 yang penulis temui yang telah memberikan segala kesudian-nya bagi menjawab pertanyaan2 penulis dan juga memberikan bahan2. Nama2 mereka itu terlalu banyak hendak di-chatitkan di-sini. Akhir-nya penulis terpaksa melafazkan terima-kaseh yang tidak terhingga kepada Tuan Michael G. Swift yang telah menjadi penyuluh-jalan dan pembimbing kepada penulis, bukan sahaja daripada nasehat2-nya yang amat berharga bahkan juga daripada kuliah2 dan makalah2-nya.

Ismail Ambia
University of Malaya
January, 1959.

P E N D A H U L U A N

A. Dari Segi Ilmu Alam.

Negeri Sembilan ia-lah sa-buah negeri Melayu yang terletak di sebelah pantai barat Semananjong Tanah Melayu. Sempadan sebelah utara-nya terdapat negeri Selangor, timor-nya negeri Pahang, selatan-nya Melaka (dahulu di-bawah taalok Kerajaan Negeri2 Selat) dan Negeri Johor, dan barat-nya lautan Selat Melaka. Tanah lembahan-pantai-nya yang agak kecil itu di-pisahkan daripada kawasan2 sebelah daratan oleh satu jajaran bukit2 yang rendah. Sa-bahagian besar negeri itu di-dapati terdiri daripada tiga kumpulan guntong2-sungai iaitu: sungai2 dalam daerah Rembau dan jajahan2 Seremban Timor yang mengalir ka-Sungai Linggi di-s sebelah selatan, sungai2 dalam jajahan Tampin dan Kuala Pilah yang mengalir ka-bahagian Ulu Sungai Muar, dan sungai2 di-daerah Jelebu yang bertemu menjadi Sungai Teriang mengalir ka-Sungai Pahang. Negeri Sembilan mengandongi beratus-ratus anak-sungai atau tengair,⁽¹⁾ dan di-sapanjang-panjang anak-sungai ini-lah

1 Ringkasan daripada perkataan "tengah-air". Anak-sungai itu mengalir melalui tengah tanah-lembahan yang di-bawa dan di-himpunkan oleh anak-sungai itu sendiri terutama-nya pada musim hujan apabila anak-sungai itu bah. Perkataan tengair ini terutama-nya rata-rata di-gunakan di-Rembau.

sa-bahagian besar penduduk2 Melayu di-Negeri Sembilan membuat kediaman. Pada umum-nya boleh di-katakan kampong2 Melayu di-Negeri Sembilan mempunyai satu bentuk susunan iaitu di-lembahan anak-sungai itu di-dapati sawah-bendang penduduk2 itu untuk mereka bertanam padi dan di-sabelah daratan berhampiran dengan sawah-bendang tadi terdapat pula tanah kampong bagi mereka mendirikan rumah dan bertanam pokok2 kelapa, buahan2 dan mungkin juga sedikit2 pokok getah.

B. Di-darat Adat Perpatih

Di-laut Adat Temenggong

Kapada orang2 luar Negeri Sembilan, agak-nya apabila mendengar Adat Perpatih, maka dengan serta merta mereka menyangka bahawa seluruh orang2 Negeri Sembilan memakai Adat ini. Sangkaan ini tentu-lah kurang tepat, sebab sungguh pun sa-bahagian besar orang2 Negeri Sembilan memakai Adat ini tetapi ada juga kawasan2 yang memakai Adat Temenggong⁽²⁾ yaani bukan Adat Perpatih. Dengan umum-nya boleh

2 Di-antara beberapa perbezaan antara Adat Perpatih dan Adat Temenggong di-Negeri Sembilan.

- a) Mengikut dasar sa-rangkap perbilangan Adat Perpatih yang berbunyi, Adat Perpatih - "Hutang berturut, chagar bergadal, chinchang pampas, bunuh beri balas" dan Adat Temenggong - "Siapa menjala siapa terjun, siapa bersalah siapa bertimbang, siapa berhutang siapa membayar, siapa membunuh siapa kena bunuh".
- b) Pembahagian harta.
 Dalam pembahagian harta pada satu2 percheraan laki bini dasar Adat Perpatih ia-lah "Chari di-bagi, pembawa kembali, dapatan tinggal". Harta puska dalam Adat Perpatih hanya boleh di-warisi oleh pehak perempuan. Sebalik-nya dalam Adat Temenggong, semua-nya ini mengikut hukum shara'.

di-katakan bahawa semua daerah2 di-darat Negeri Sembilan - Rembau, Seremban atau Sungai Ujong, Tampin, Kuala Pilah dan Jelabu - memakai Adat Perpateh: dan semua kawasan2 di-tepi laut - Port Dickson dan lain2 lagi memakai Adat Temenggong. Jadi satu simpulan boleh di-ambil dari sini iaitu satu garisan besar boleh di-adakan di-Negeri Sembilan bagi membahagikan kawasan2 yang memakai Adat Perpateh dan Adat Temenggong -

a) kawasan2 di-darat yaitu arah timur Negeri Sembilan memakai Adat Perpateh (sa-bahagian besar Negeri Sembilan) dan b) kawasan2 di-tepi pantai Negeri Sembilan yang memakai Adat Temenggong.

Sekarang muncul pula satu sealan. Mengapakah orang2 di-darat menggunakan Adat Perpateh dan di-laut Adat Temenggong? Mengapa-kah terdapat dua aturan Adat itu terpisah dengan begitu nyata? Untuk menjawab pertanyaan ini ada-lah menjadi kesukaran juga, sebab kita tidak dapat berasaskan kepada satu2 kenyataan yang tertentu. Di-sini biar-lah Penulis kemukakan dua sebab kemungkinan bagaimana terjadi-nya hal demikian.

2 c) Susunan masyarakat.

Masyarakat Adat Perpateh berdasarkan kepada susunan "uni-lateral" sedangkan Adat Temenggong "bi-lateral".

d) Susunan keluarga.

Dalam satu perkahwinan aturan Adat Perpateh berdasarkan semata-mata kepada "matri-local" sedangkan Adat Temenggong berchampur antara "matri-local" dan "patri-local".

I. Berasaskan kepada satu rangkap perbilangan
Adat Perpateh yang berbunyi :-

"Ka-laut Adat Temenggong,
 Siapa menjala siapa terjun
 Siapa bersalah siapa bertimbang
 Siapa berhutang siapa membayar
 Siapa membunuh siapa kena bunoh.
 Ka-darat Adat Perpateh,
 Hutang berturut, chagar bergadai,
 Chinchang pampas, bunoh beri balas".

Tidak payah-lah di-tafsirkan semua tujuan rangkap perbilangan di-atas, memadai-lah untuk menjawab soalan tadi - mengapa kawasan di-sabelah daratan memakai Adat Perpateh sedangkan di-tepi pantai menggunakan Adat Temenggong - di-ambil dua kerat perbilangan di-atas saja iaitu: "Ka-laut Adat Temenggong" dan "Ka-darat Adat Perpateh". Dua kerat perbilangan itu nyata-lah menunjukkan kawasan masing2 bagi dua aturan. Adat itu, iaitu ka-laut atau di-sabelah pantai menggunakan Adat Temenggong dan ka-arah darat menggunakan Adat Perpateh. Pernah juga penulis mendengar penerangan orang tua2 bahawa sempadan antara dua taalok aturan Adat itu ia-lah ayer-pasangan-naik: semua kawasan2 yang sampai oleh ayer-pasang naik (mengikut sungai, khas-nya Sungai Linggi) ada-lah termasuk dalam kawasan Adat Temenggong dan di-sabelah daratan lagi Adat Perpateh.

Satakat ini belum dapat lagi menjawab soalan tadi, ini chuma menunjukkan kawasan2 yang memakai kedua aturan Adat itu masing2, tetapi

soal pokok tadi ia-lah bagaimana terjadi-nya dan mengapa sebab-nya kawasan2 di-tepi laut dan di-sabelah daratan itu menggunakan dua aturan Adat yang berasingan. Bagi menjawab-nya maka di-sini di-kemukakan satu cerita daripada mulut orang tua2.

Mengikut cerita orang tua2⁽³⁾, bahawa Dato' Perpateh dan Dato' Temenggong ada-lah berdua sanak-sa-ibu dan mereka ini-lah di-perchayai penggubah kedua Adat itu yang di-namakan mengikut nama-nya masing2. Oleh sebab berdasarkan kepada perbilangan di-atas "Ka-laut Adat Temenggong ... " dan "Ka-darat Adat Perpateh ... " (Perbilangan ini di-gubah di-Minangkabau⁷) maka apabila kedua Dato' tadi atau pengikut2-nya datang ka-Negeri Sembilan, masing2 mendudoki kawasan2 yang di-tentukan mengikut perbilangan itu.

Ada beberapa hujah menentang penerangan itu. Pertama-nya tidak ada orang yang dapat memastikan dan tidak ada bukti2 yang nyata bahawa Dato' Temenggong dan Dato' Perpateh itu sabenar-nya penggubah kedua aturan Adat itu. Di-Minangkabau tidak ada perbezaan yang begitu besar terdapat seperti di-Negeri Sembilan antara Adat Perpateh dan Adat Ketemenggongan.⁽⁴⁾ Di-Minangkabau tidak ada pemisahan seperti di-

3 Shahba, Pusaka Naning, muka 4.

4 P.E. De Josselin De Jong: Minangkabau And Negri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia.

Negeri Sembilan, "ka-laut Adat Temenggong" dan "ka-darat Adat Perpateh".⁽⁵⁾

Oleh itu tidak dapat-lah hujah dan penerangan ini di-terima bagi menjawab soalan di-atas.

II. Orang2 di-tepi laut Negeri Sembilan bukan berasal dari Minangkabau.

Memandang daripada segi loghat, orang2 di-tepi pantai Negeri Sembilan bukan-nya berasal dari Minangkabau seperti orang2 di-sabelah daratan. Orang2 di-sabelah daratan loghat chakap-nya hampir sama dengan orang2 Minangkabau di-Sumatra, tetapi sabalek-nya orang2 di-tepi pantai berlainan sama sekali loghat-nya, mereka lebeh menghampiri loghat orang2 Melaka dan juga Johore. Jadi sakira-nya orang2 di-tepi laut itu bukan berasal dari Minangkabau (mungkin berasal dari lain2 tempat kepulauan Melayu ini) maka dengan sendiri-nya adat resam-nya dan susunan hidup-nya berlainan daripada orang2 di-sabelah daratan yang berasal dari Minangkabau itu.

Penerangan ini ada-lah manusabah bagi menjawab sealan di-atas - mengapa di-laut Adat Temenggong dan di-darat Adat Perpateh. Kalsu di-perhatikan keadaan Ilmu Alam dan chara hidup orang2 Minangkabau

5 Mengikut penerangan sa-erang Mahasiswa Jakarta, Saudara Hasanry.

di-Sumatra, maka akan kita dapati bahawa orang2 Minangkabau itu membuat kediaman di-kawasan2 sabelah daratan Sumatra dan chara pencharian hidup mereka ia-lah berchuchok-tanam terutama-nya bersawah-ladang. Oleh itu apabila orang2 Minangkabau dulu datang ka-Negeri Sembilan, oleh kerana kebiasaan mereka bersawah-ladang di-tanah2 daratan maka mereka pun pergi-lah menchari tempat2 kediaman di-darat2 dengan tidak menghiraukan tanah2 di-tepi laut sunggoh pun mereka datang daripada arah laut. Kalau mereka hendak dudok di-tepi pantai dan hidup sabagai nelayan, peluang itu memang terbuka dengan besar-nya bagi mereka, tetapi oleh kerana mereka bukan bangsa nelayan, maka mereka meninggalkan saja tanah2 kosong di-tepi pantai itu untok di-diami oleh orang2 lain dari Kepulauan Melayu ini. Dalam pada itu tentu-lah ada juga orang2 Minangkabau yang membuat kediaman di-tepi pantai itu, tetapi kerana bilangan-nya yang kechil, maka tenggelam-lah mereka dalam masharakat di-tepi laut itu. (6)

Barangkali ada juga lagi ragu2 bagi memperchayai pendapat ini apabila di-kaji dari segi rangkap perbilangan di-atas yang digubah di-Minangkabau mengikut kata orang tua2. Tetapi mengikut

6 Mengikut penerangan sa-orang Guru di-King George V School Seremban, Che' Abas Ali.

fikiran Penulis rangkap perbilangan itu ada-lah di-gubah di-Negeri Sembilan setelah orang2 Minangkabau yang memakai Adat Perpatih itu membuat kediaman-nya di-Negeri Sembilan.

C. Sembilan Buah Negeri

I. Beberapa Pendapat

Apa-apa-kah tempat2 yang sabenar-nya di-satukan dan di-sebut "Negeri Sembilan" pada masa dahulu itu tiada-lah ahli2 yang menulis hal Negeri Sembilan mempunyai satu pendapatan, sungguh pun kebanyakan mereka bersetuju atas penentuan terhadap kebanyakan tempat2 yang termasuk dalam persatuan sembilan buah negeri itu.

Newbold⁽⁷⁾ menyatakan negeri2 yang di-panggil Negeri Sembilan itu ia-lah Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujong, Rembau, Klang, Ulu Pahang dan Jelai (dalam Negeri Pahang arah ulu Sungai Tembeling). Martin Lister⁽⁸⁾ bersetuju dengan pendapat Newbold itu, hanya Ulu Pahang di-gantikan-nya dengan nama Pasir Besar. Wilkinson⁽⁹⁾ tidak juga berlainan sangat pendapat-nya dengan Newbold, hanya Johol

7 Newbold: British Settlements in the Straits of Malacca, Vol. II.

8 Martin Lister: Journal of the Royal Asiatic Society Straits Branch
No.19.

9 Wilkinson: Notes on the Negeri Sembilan.

di-gantikan-nya dengan nama Inas. Parr dan Mackray⁽¹⁰⁾ menyetujui nama2 yang di-kemukakan oleh Newbold itu, dengan memberikan tafsiran-nya bahawa Ulu Pahang itu ia-lah daerah arah hilir Sungai Tembling. Nathan dan Winstedt⁽¹¹⁾ ada-lah berbedza pendapat-nya dengan penulis2 di-atas, mereka menyatakan negeri2 dalam Persatuan Negeri Sembilan itu ia-lah Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Naning, Klang, Segamat, Pasir Besar (Johol sekarang), Jelai (Inas sekarang) dan Ulu Pahang (daerah antara Ulu Serting dan Temerloh).

Sungguh pun penulis2 itu tidak bersapendapatan berhubung dengan penentuan negeri2 itu, perbezaan antara mereka itu tidak-lah terlampau banyak. Yang menjadi perselisihan itu ia-lah menentukan letak negeri2 itu, terutama-nya Ulu Pahang dan Jelai. Dan berhubung dengan hal ini Penulis berpendapat bahawa pendapat Nathan dan Winstedt ada-lah lebih manusabah.

II. Jajahan2 di-Negeri Sembilan hari ini

Pada masa ini tiga daripada negeri2 tua itu telah terkeluar daripada Negeri Sembilan - Segamat masok kapada Johor,

-
- 10 Parr and Mackray: Journal of the Royal Asiatic Society Straits Branch, No.56.
- 11 Nathan and Winstedt: Papers on Malay Subjects, No.4, Johol, Inas, Ulu Muar, Jempul, Gunong Pasir and Terachi, Their History and Constitution.

Naning kapada Melaka, Klang kapada Selangor dan kalau mengikut tafsiran Nathan dan Winstedt di-atas Ulu Pahang masok kapada negeri Pahang. Dan mengikut tadbiran baru (modern administration) sekarang pula, Negeri Sembilan terbahagi kapada enam jajahan iaitu Seremban (ada-lah juga luak Sungai Ujong), Jelebu (ada-lah juga luak Jelebu) Kuala Pilah (mengandongi Inas, sa-bahagian Johol, Gunong Pasir, Terachi, Ulu Muar, dan Jempul), Tampin (mengandongi Gemenchek, Keru, Tebong, Tampin Tengah dan Repah), Rembau (ada-lah juga luak Rembau) dan Port Dickson (adat ketemenggongan).

D. Kedatangan Yam Tuan

I. Serangkap perbilangan Adat Perpatih berkata:

Beraja ka-Johor,
Bertali ka-Siak,
Bertuan ka-Minangkabau.

Hingga ka-abad yang kedelapan belas Negeri Sembilan adalah maseh di-bawah naongan Johor⁽¹²⁾ sungguh pun dalam amalan-nya Johor tidak dapat menjalankan kuat-kuasa-nya ka-atas daerah2 di-Negeri Sembilan itu. Umpama-nya dalam tawarikh Rembau tidak ada satu2

12 P.E. Josselin De Jong: Minangkabau And Negeri Sembilan
Social-Political Structure in Indonesia, 1951, Muka 125.

bukti yang nyata menunjukkan bahawa Rembau di-perintah atau menerima perintah dari Johor. Hanya apabila Company Belanda⁽¹³⁾ untuk keperluan perniagaannya, membuat perhubungan dengan jajahan-naongan Johor itu - Rembau, Naning, Sungai Ujong dan Klang pada kurun yang ketujuh belas, maka bahru terdapat satu bukti-tawarikh yang nyata bahawa Johor mempunyai kuasa atas negeri2 di-Negeri Sembilan ini.

II. Pembebasan Negeri Sembilan daripada Johor

Antara tahun 1717 dan 1725, Johor, Bugis dan Raja Kechil sa-orang raja dari Siak berperang, bertukar kawan dan lawan dan pada tahun 1748, peperangan ini berbangkit kembali, dan pada kali ini Bugis diketuai oleh Daeng Kambodja.⁽¹⁴⁾

Satelah itu Company Belanda chuba hendak menjadikan Daeng Kambodja menjadi raja di-Negeri Sembilan tetapi pekerjaan Belanda itu tidak berhasil, oleh sebab tentangan orang2 di Negeri Sembilan. Dalam keadaan ini kelihatan negeri2 di-Negeri Sembilan itu tidak mempunyai ibu lagi. Johor selama ini yang di-pandang sabagai tempat

13 Parr and Mackray: Journal of the Royal Asiatic Society Straits Branch, No.56, muka 16.

14 P.E. Josselin De Jong: Minangkabau and Negeri Sembilan Social-Political Structure in Indonesia, 1951, muka 120.

mengadu dan meminta pertolongan tidak mempunyai daya lagi hendak memberi bantuan serta pertolongan.

Akhir-nya empat negeri di-Negeri Sembilan itu - Rembau, Sungai Ujong, Johol dan Ulu Muar mengambil langkah-nya sendiri menjemput sa-orang Raja di-jadikan ketua dari Pagar Ruyong, Minangkabau, dan Raja Minangkabau yang pertama di-tabalkan ialah pada tahun 1773. Sementara itu Daeng Kambodja yang tidak mendapat apa2 bantuan lagi daripada Belanda itu kalah dalam peperangan dan terus mengundurkan diri ka-Rhio pada tahun 1773. Dari tarikh ini, maka putus-lah kuasa Johor atas Negeri Sembilan.

III. Yam Tuan di-Negeri Sembilan.

Pada tahun 1773 Raja Melewar sa-orang yang berketurunan darah raja dari Minangkabau di-tabalkan di-Penajis dalam negeri Rembau dan setelah itu beliau pergi ka-Sri Menanti dalam negeri Ulu Muar membuat tempat persemayaman. Beliau ada-lah Yam Tuan yang pertama di-Negeri Sembilan dan patut juga di-ingatkan bahawa pertuanan Raja Melewar itu hanya di-akui oleh empat negeri yang menjemput beliau itu saja iaitu Sungai Ujong, Rembau, Johol dan Ulu Muar.⁽¹⁵⁾ Dengan lain perkataan negeri2 yang lain dalam persatuan

15 D.F.A.Hervey: Rembau - Journal of the Royal Asiatic Society, Straits Branch, XIII.

Negeri Sembilan itu tidak ada turut sama dalam pengambilan dan perlantekan Yam Tuan ini: pada masa itu Naning telah jatuh ka-bawah pengaruh kuasa Belanda, Klang tertaalok kepada kuasa Bugis di-Selangor, Ulu Pahang hilang ka-Pahang (juga Jelai kalau Jelai di-perchayai dalam Negeri Pahang, dan kalau Jelai di-perchayai ada-lah luak Inas sekarang, pada masa itu, mungkin pada masa itu tidak terkemuka lagi sabagai satu negeri) dan Segamat masok ka-Johor. Jelebu mengasingkan diri, dan ia mendapat kebebasan daripada Johor dengan chara damai daripada Sultan Muhammad Shah. (16)

16 V. O'brien: Jelebu - Journal of the Royal Asiatic Society,
Straits Branch, XIV, muka 337.

Penghujongan ISummary

This Exercise deals with the political system of Adat Perpatih in Negeri Sembilan. There is a substantial literature on this subject particularly¹ in the Journals of the Royal Asiatic Society Straits Branch and Malayan Branch and also in the Papers on Malay Subjects. But the writer feels that most of the literature are mainly concerned with the theoretical side of the system, neglecting the far more important aspect of it, namely the actual everyday running of the Adat especially at the present day. It is this field that the writer tries to explore.

The study envisages three main purposes: a) to examine the actual position of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak in the past and at the present day,² b) to examine the actual situation, both from the theoretical and practical procedure as to how the elections of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak are being carried out, c) to estimate how far the Adat is still being respected and valued by the society and the Government.

-
1. Refer to Sumber² Pembachaan.
 2. Before and after the introduction of State Administration.

In the Exercise the positions of the Yang di-Pertuan Besar, Undang, Lembaga and Buapak have been analysed before and after the introduction of the State Administration³ up⁺ to the present day. The results indicate, that with the coming of the State Administration, the position of the Yang di-Pertuan Besar has much been uplifted and his powers enhanced, that of the Undang on the whole has much been weakened, and that of the Lembaga and Buapak has been deteriorating rapidly. Several causes and factors which contribute to the change have been given and discussed at some length.

With regards to the second purpose, certain specific examples have been given and analysed. The conclusion shows, in the election of a Yang di-Pertuan Besar, no difficulty arises; the procedure is being laid down well and clearly even in the State Constitution, but in the election of an Undang, Lembaga, Buapak, several problems emerge, for instance which "perut"⁴ is entitled to the "giliran"⁵ and in the perut who is the most competent and rightful to the claim of the "pusaka"⁶. The election of an Undang, Lembaga, Buapak, can in fact be described as the source of endless intrigues and disputes. The system of "giliran" does not look so simple and easy in its actual practice.

-
3. Brought by the British in 1895.
 4. Sub-clan.
 5. Rotation.
 6. Offices in Adat.

Finally the question of how far the Adat is being respected and valued by the Government and the society. Several examples have been cited and analysed too. It is found out the Government respects and values the Adat in so far as it does not hinder the running of the administrative machinery of the State. Its attitude has always been to please and quieten the Adat officials. As to the attitude of the society towards the Adat it is quite difficult to estimate since the society is still in the process of changing from the traditional to the modern set up. In everyday life to a very great extent the people have ignored the administrative function of the Adat and have come over to Government administrative machinery but "emotionally" they still cling to the Adat. Nevertheless the Adat is fast crumbling. And this is not only the characteristic of the society in Adat Perpatih in Negeri Sembilan but also the Malay society in general.

Penghujongan IISumber2 bacaanJournal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.

1. A. Caldecott, Jelebu Customary Songs and Sayings, No. 78
(LXXVIII) 3-41.
2. C.W.C. Parr and W.H. Mackray, Rembau, Its History, Constitution
and Customs, No. 56.
3. D.F.H. Hervey, Rembau, XLIII, 241-258.
4. H.A. O'Brien, Jelebu, XIV, 337-343.
5. M. Lister, The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution,
XLX, 35-53.
6. R.J. Wilkinson, Sungai Ujong, LXXXIII, 123-141.
7. R.N. Bland, Aturan Sungai Ujong, XXVIII, 53-72.
8. Some Rembau Customary Sayings, Vol. VI pt. 4, 54-53.

Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.

1. Abdul Aziz bin Khamis, Adat Kuala Pilah, Vol. XLV, pt. 3,
190-225.
2. E.N. Tailor, The Customary Law of Rembau, VII, pt. 1, 1-283.
3. Hyde A., Naning Teromba, Vol. XLX pt. 1, 131-136.
4. Winstedt, Sir Richard, A History of Negri Sembilan, Vol. XII,
pt. 3, 41-111.

Papers on Malay Subjects .

1. A. Caldecott , (second series), No. 1., Jelebu , Its History and Constitution .
2. J.E. Nathan and R.O. Winstedt , (second series) pt. 4 , Johol , Inas , Ulu Muar ,Jempul , Gunong Pasir and Terachi, Their History and Constitution .
3. R.J. Wilkinson , Law , Part 1 , Introductory Sketch .
4. R.J. Wilkinson , (second series) No.2 , Sri Menanti .

Buku2 lain .

1. Buyong Adil , Sejarah Alam Melayu , Penggal V , (1940)
2. G.A. de C. Moubray , Matriachy in the Malay Peninsula ,(1931)
3. J.M. Gullick , Indigenous Political Systems of Western Malaya, (1958)
4. Newbold , British Settlement in the Straits of Malacca,(1839)
5. P.E. Josselin De Jong , Minangkabau aand Negeri Sembilan Socio-Political Structure in Indonesia , (1951)
6. Shahba , Pusaka Naning , (1951)
7. S. Takhdir Ali Shahbana , Puisi Lama ,(1954)

Penghujongan IIIDi-antara Orang2 Yang Di-TemuiPegawai2 Adat.

Dato' Undang Johol.
 Dato' Undang Jelebu.
 Dato' Naning.
 Dato' Klana Petra Sungai Ujong.

Dato' Ombi, Jelebu.
 Dato' Baginda Tan Mas, Johol.
 Dato' Jenang, Johol.
 Buapak Enam, Johol.

Dato' Sinda Maharaja, Rembau.
 Dato' Kanda Singah, Rembau.
 Dato' Langsa Hj. Sulaiman (terpechat), Rembau.
 Laksamana Idris, Bongek, Rembau.
 Menteri Shaari, Bongek, Rembau.
 Katib Hj. Tahar, Bongek, Rembau.
 Tengku Besar, Tampin.
 Dato'2 Penghulu Repah, Keru, Tampin Tengah.

Pegawai2 Tadbir Kerajaan.

Timbalan Menteri Besar, Negri Sembilan.

Pegawai Jajahan Rembau.
 Penolong Pegawai Jajahan Rembau.
 Penolong Pegawai Jajahan Tampin.
 Penolong Pegawai Jajahan Kuala Pilah.

Che' Mohd. Jan, kerani Pejabat Tanah Tampin.
 Che' Shukor, kerani Pejabat Tanah Tampin.
 Settlement Officer, Tampin.
 Che' Adam Kassim, kerani Pejabat Tanah Rembau.
 Che' Abdullah Hj. Dahir, kerani Pejabat Tanah Rembau.

Che' Itam Ahmad, ketua kampung Bongek, Rembau.
 Che, Mohd. Nor Ahmad, ketua kampung Pedas, Rembau.

Ahli2 U gama.

Hj. Zainuddin, Repah Tampin.
Mufti Negri Sembilan.

Pegawai2 Jabatan U gama Negeri Sembilan.

Che' Abbas, Penolong Ketua U gama.
Che' Yaacob, kerani.
Kerani Besar Pejabat U gama.

Guru2 Sekolah¹

Che' Kassim Yusof, Sekolah Umum Rahang, Seremban.
Che' Hassan Ujang, Sekolah Umum Astana Raja, Rembau.
Che' Abd. Samad, Sekolah Umum Chembong, Rembau.
Che' Dol, Tengku Besar School Tampin.
Che' Ibrahim Hj. Maamor, Tengku Besar School Tampin.

Lain2.

Che' Gu Abbas Ali, K.G.V. School, Seremban.
Hj. Maamor, kedai kopi Chengkau, Rembau.
Che' Mohd. Zain, kedai gunting Chengkau, Rembau.
Che' Jabar Sidin, Mahasiswa University Malaya.
Saudara Hassanry, Mahasiswa University Jakarta.

1. Semua-nya orang kuat dalam U.M.N.O.

Penghujongan IVPerbilangan Adat Yang Memberi Panduan1. Susunan tadbiran.¹

Alam beraja,
 Luak berpenghulu,
 Suku bertua.
 Anak beribu-bapa.
 Orang semenda bertempat semenda.

2. Sekatan kuasa.¹

Adat yang berjanjang naik, bertangga turun;
 Berlukis berlembaga,
 Bertiru bertauladan

3. Kuasa2 tadbiran pegawai2 Adat.¹

Raja sa-keadilan,
 Penghulu sa-Undang,
 Tua sa-lembaga,
 Waris sa-pesak,
 Ibu-bapa sa-adat,
 Tempat semanda satu shahadat,
 Orang semenda sa-resam.

Raja berdaulat,
 Penghulu berandika:
 Raja bertitah,
 Penghulu bersabda;
 Raja berkhalifah,
 Penghulu bersuku.
 Undang berkelantasan,
 Lembaga bersekat.
 Raja bersejarah,
 Penghulu bersalasilah,
 Lembaga berteromba.

Raja berdaulat dalam alam-nya,
 Penghulu bernobat dalam suku-nya,
 Buapak bernobat dalam anak-buah-nya,
 Orang banyak bernobat dalam teratak-nya.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

4. Pemilihan dan Pemecatan pegawai² Adat.¹

Patah tumbuh, hilang berganti.
 Ganti hidup berkeredlaan,
 Ganti mati berkebulatan.
 Kebulatan anak buah membuat atau memechat buapa;
 Buapa bulat, waris-nya rapat, membuat atau memechat tua;
 Kebulatan tua, boleh membuat atau memechat undang;
 Undang bulat, lembaga rapat, waris sedia, membuat atau memechat raja.

5. Penurunan harta pusaka.¹

Pesaka
 Yang bersesapan, yang berjerami,
 Bertunggul, berpemaranan.

Sah batal ka-pada sa-kadim;
 Kata berchari ka-pada waris-nya;
 Tinggal waris menongkat;

Tinggal sa-kadim melintang;
 Tinggal harta bertuan ta' jadi;
 Tinggal tua batal.

6. Pembahagian harta.¹

Chari bahagi,
 Dapatan tinggal,
 Pembawa kembali,
 Kutu di-belah,
 Suarang di-ageh,
 Rugi laba pulang ka-tempat semenda,
 Nyawa darah pulang ka-pada waris.

1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Melebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.

7. Adat Temenggong dan Adat Perpateh.¹

Ka-laut adat Temenggong:-
 Siapa menjala, siapa terjun,
 Siapa salah siapa bertimbang,
 Siapa berhutang, siapa membayar,
 Siapa membunuh siapa kena bunoh.

Ka-darat adat Dato' Perpateh:-
 Hutang nan berturut, chagar bergadai;
 Chinchang pampas, bunoh beri balas.

8. Hidup tolong menolong.¹

Dudok kita berpelarasan,
 Berdekat rumah, dekat kampong,
 Boleh minta-meminta,
 Akan jengok-menjengok
 Sakit dan pening.
 Sa-jamban sa-perulangan,
 Sa-pergi sa-permandian;
 Tanah-nya datar, ayer-nya jerneh,
 Muafakat-nya esa.

Kundur menjalar ka-ulu,
 Labu menjalar ka-hilir,
 Puchok-nya sama di-gatas,
 Buah-nya sama di-tarek:
 Dekat rumah dekat kampong;
 Sa-kampong sa-permainan,
 Sa-jamban sa-permandian.

9. Perhubungan Negeri Sembilan.²

Beraja ka-Johor,
 Bertali ka-Siak,
 Bertuan ka-Minangkabau.

-
1. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, No. 78.: Jelebu Customary Song and Sayings oleh A. Caldecott.
 2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.

10. Asal penduduk Rembau.²

Gagak Itam, gagak semui,
Turun di-bukit berkaki empat,
Bangau putih datang di-laut,
Berkepak saiap.

11. Kedudukan Yang di-Pertuan.²

Ada pun Raja itu tiada mempunya
Negeri dan tiada menchukai
Kharjat, melainkan berkeadilan
Sahaja, serta permakanan duit
Sasuku, beras sa-gantang,
Nior satali.

12. Kuasa Undang dan Lembaga.²

Pesaka Undang berkelantasan
Pesaka Lembaga bersekak
Tali pengikat daripada Lembaga,
Kris penyalang daripada Undang;
Pedang pemanchong daripada keadilan.

13. Kuasa serta kedudukan ibu-bapa.

Aturan Ibu-bapa di-dalam
Anak-buah-nya:
Satu ekor kambing adat-nia,
Dan pakaian tilam terbujur,
Bantal bersusun, tabir terpasang,
Langit² terbantang, rebana di-pukol
Inai di-tarekkan, Ibu-bapa
Sa-adat dengan Besar.

14. Hidup bersaudaraan.²


Laksana sireh sa-rumpun,
Laksana nior sa-tali,
Sa-ikat ba'lembing,
Sa-bungkus ba' nasi,
Sa-kuchong ba' kuah,
Berlapis ba' sawah.

2. Di-kutip daripada Journal of the Straits Branch of the
Royal Asiatic Society, Parr and Mackray, Rembau, Appendices.


15. Asas tadbiran, di-Sungai Ujong, Jelevu, Rembau dan Johol.³
- Aturan Sungai Ujong: berundang, berkeadilan, berteromba, bersalasilah.
- Aturan Jelevu: berundang, berkeadilan, berlembaga.
- Aturan Rembau: berundang, berlembaga.
- Aturan Johol: berundang, berteromba, bersalasilah.
16. Kedudukan To' Jenang dan Undang di-Johol.
- Takeh kayu Batin Jenang,
Putus tebus pada Undang.

3. Di-kutip daripada Papers on Malay Subjects, Nathan and Winstedt, Johol.

Penghujung V



Peta Menunjukkan Sempadan2 Jajahan Negeri Sembilan.

Penghujung VI

Peta Menunjukkan Kedudukan Luak2 Dan Daerah2 Mengikut

Tadbir Adat.